



MoU UMS-PERKESO perluas kemudahan rehabilitasi di Sabah

Oleh [Latifah Arifin](#) - September 22, 2022 @ 5:14pm
latifah@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi memperluas kemudahan rehabilitasi di Sabah.

UMS dan PERKESO dalam kenyataan bersama hari ini berkata, kerjasama strategik itu bakal memberi manfaat kepada komuniti di Sabah.

"Kerjasama yang terjalin ini akan menyokong usaha UMS dan PERKESO untuk memperluaskan kemudahan rehabilitasi di Sabah menerusi penyediaan kemudahan berkenaan di Hospital UMS.

"Usaha murni ini dilihat bakal memberikan manfaat bukan sahaja kepada orang berinsurans (OB) di bawah PERKESO, malah kepada seluruh masyarakat setempat untuk mendapatkan rawatan rehabilitasi di kampus UMS," katanya.

MoU itu ditandatangani antara Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Sri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni yang turut menjalankan fungsi sebagai Naib Canselor UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Datuk Dr Hafez Hussain dan Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar.

Melalui MoU itu, kedua-dua pihak akan turut merintis kolaborasi dua hala dalam pelbagai aspek lain termasuk pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.

Kerjasama itu merangkumi pelbagai bidang khususnya perubatan rehabilitasi, intervensi neurologi, kesihatan mental, kemahiran kesihatan bersekutu, intervensi robotik, latihan vokasional, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, pengurusan hilang upaya serta program Return to Work (RTW).

Dalam pada itu, Raman berkata, pihaknya komited dalam mempromosi, meningkatkan kesedaran serta menambah baik akses kepada rawatan rehabilitasi yang berkualiti khususnya di Sabah.

"Skop kerjasama yang menyeluruh ini bakal memberikan impak yang signifikan terutamanya dalam menangani masalah utama mendapatkan rawatan rehabilitasi iaitu tanggungan kos rawatan pesakit.

"Dengan wujudnya pembiayaan melalui skim-skim yang ditawarkan oleh pihak PERKESO, capaian pesakit di Hospital UMS akan bertambah luas," katanya.